

Antara Islam dan Hinduisme di Alam Melayu: Beberapa Catatan Pengkaji Barat

MOHD. ZARIAT ABDUL RANI

ABSTRAK

Makalah ini bertolak daripada pandangan Syed Muhammad Naquib Al-Attas tentang kecenderungan pengkaji Barat dalam pengamatan mereka terhadap Alam Melayu. Dalam konteks ini, Al-Attas berpendapat bahawa kebanyakan pengkaji Barat cenderung untuk memandang mudah peranan Islam, dan sebaliknya menonjolkan kesignifikanan Hinduisme dalam sejarah dan kebudayaan Melayu. Dengan mengambil kira pandangan Al-Attas tersebut, makalah ini berusaha untuk mengamati pandangan yang diutarakan tiga orang pengkaji Barat, iaitu N. J. Krom (1950) dalam buku bertajuk De Hindoe-Javaansche Tijd; Bernard H. M. Vlekke (1959) dalam Nusantara: A History of Indonesia dan J. C. Van Leur (1955) dalam Indonesia: Trade and Society. Penelitian terhadap ketiga-tiga tulisan pengkaji Barat ini melakarkan kecenderungan mereka terhadap Hinduisme yang dianggap sebagai pengaruh yang dominan di Alam Melayu. Kecenderungan tersebut turut menjelaskan bahawa Islam menurut pandangan mereka juga tidak dapat menyaingi kepentingan Hinduisme di Alam Melayu.

Kata kunci: Pengaruh, kebudayaan, tamadun, Kepulauan Melayu-Indonesia, Alam Melayu

ABSTRACT

This article is inspired by Syed Muhammad Naquib Al-Attas's notion on Westerners' inclinations of their observation of the Malay World. In this context, Al-Attas claims that a majority of Western researchers tend to take for granted the role of Islam. In contrast, they seem to recognize the significant influence of Hinduism in the Malay history and culture. Taking into consideration of Al-Attas's notion, this article attempts to observe the viewpoints of three Western researchers: N. J. Krom (1950) in De Hindoe-Javaansche Tijd; Bernard H. M. Vlekke (1959) in Nusantara: A History of Indonesia; and J. C. Van Leur (1955) in Indonesia: Trade and Society. Observation on these writings reveals a pattern of inclination in presenting Hinduism as a dominant influence to the Malay culture. This inclination also explains the stance of these writings on Islam, which could not compete with the prominent influence of Hinduism in the Malay World.

Key words: Influence, culture, civilization, Malay-Indonesian Archipelago, Malay World

PENGENALAN

Soal kesignifikanan kebudayaan dalam sesebuah masyarakat merupakan antara tajuk perbincangan yang kerap diperkatakan. Merujuk kepada Alam Melayu, pengaruh dan kesignifikanan antara kebudayaan yang dominan turut menarik minat ramai pengkaji yang kebanyakannya berusaha untuk meninjau kesignifikanan kebudayaan tersebut dalam pembentukan tamadun bangsa Melayu. Umum mengetahui Alam Melayu menerima pendedahan daripada beberapa jenis kebudayaan yang datang dari luar. Antara kebudayaan yang dianggap penting dalam perbincangan tentang Alam Melayu serta menarik perhatian ramai pengkaji ialah Hinduisme dan Islam. Perhatian terhadap kedua-dua kebudayaan ini, antaranya, meliputi soal peranan dan sumbangannya dalam pembinaan tamadun di gugusan kepulauan Melayu. Yang jelas, soal kesignifikanan peranan antara Hinduisme dan Islam di Alam Melayu turut menarik perhatian pengkaji dari Barat yang kebanyakannya membanding-bandingkan kekuatan pengaruh antara kedua-dua kebudayaan tersebut. Sehubungan itu, adalah penting untuk diteliti pandangan Syed Muhammad Naquib Al-Attas (seterusnya Al-Attas) tentang catatan pengkaji Barat yang cenderung untuk menonjolkan kesignifikanan peranan Hinduisme dalam sejarah dan kebudayaan Melayu. Tetapi, kecenderungan itu menurut Al-Attas tidak pula kelihatan dalam pengamatan mereka terhadap peranan Islam di Alam Melayu yang rata-rata dianggap tidak memberikan sumbangan yang signifikan, sebagaimana yang dijelaskannya:

... laksana hukuman yang telah dijatuhkan terhadap Islam, ialah bahwa Islam itu tiada membawa apa-apa perubahan asasi dan tiada pula membawa suatu tamaddun yang lebih luhur daripada apa yang sudah sedia ada [di Alam Melayu]. Bawaan pemikiran sarjana-sarjana ... [Barat] dari dahulu memang sudah mengisharatkan kechenderungan kearah memperkechil-kechilkan Islam dan peranannya dalam sejarah kepulauan [Melayu] ... (Al-Attas 1972: 18).

Bertolak daripada pandangan Al-Attas itu, rencana ini berusaha untuk meneliti pandangan yang diutarakan beberapa pengkaji Barat tentang peranan serta sumbangan Hinduisme dan Islam dalam peradaban Melayu. Untuk itu, perbincangan ini akan memanfaatkan tiga tulisan pengkaji Barat yang dikenal pasti dapat menawarkan skop perbincangan yang sesuai, iaitu tulisan N. J. Krom (1950) bertajuk *De Hindoe-Javaansche Tijd*, yang diterjemahkan oleh Arif Effendi dengan judul *Zaman Hindu*; tulisan Bernard H. M. Vlekke (1959) yang bertajuk *Nusantara: A History of Indonesia* dan tulisan J. C. Van Leur (1955) yang bertajuk *Indonesia: Trade and Society*. Penting untuk dijelaskan bahawa rencana ini hanya memanfaatkan pandangan mereka yang menyentuh soal

pengaruh, kepentingan dan sumbangan Hinduisme dan Islam di Alam Melayu. Bagi memudahkan pemahaman, perbincangan akan dilakukan mengikut urutan dan perkembangan isi yang ditawarkan oleh tulisan-tulisan di atas dan bukannya mengikut tahun penerbitannya. Perbincangan juga rata-rata tidak akan mengulang pandangan yang sama daripada ketiga-tiga mereka, kecuali idea yang difikirkan relevan dan perlu dibangkitkan kembali untuk tujuan perbandingan. Seterusnya, penggulangan terhadap perbincangan akan dilakukan pada bahagian akhir yang akan turut membincangkan secara ringkas pandangan Al-Attas, guna menjelaskan kedudukan pandangan pengkaji-pengkaji tersebut. Seperkara lagi yang perlu dijelaskan ialah perbezaan istilah yang digunakan mereka bagi merujuk daerah yang mereka perkatakan. N. J. Krom (seterusnya Krom), misalnya, menggunakan istilah ‘Nusantara’, manakala Bernard H. M. Vlekke (seterusnya Vlekke) dan J.C. Van Leur (Van Leur) menamakan daerah kajian mereka sebagai “Indonesia”. Meskipun terdapat perbezaan dari segi istilah, namun setelah diteliti adalah didapati cakupan perbincangan mereka rata-rata merujuk kepada daerah yang sama, iaitu daerah yang disebut oleh Al-Attas dalam syarahan pengukuhan beliau yang bertajuk *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972) sebagai “Kepulauan Melayu-Indonesia”. Untuk mengelakkan kekeliruan, perbincangan seterusnya akan menggunakan istilah “Kepulauan Melayu-Indonesia”, sebagaimana yang digunakan Al-Attas bagi merujuk kepada Alam Melayu secara keseluruhannya, dan bukannya “Nusantara” dan “Indonesia” seperti yang digunakan pengkaji Barat tersebut.

DE HINDOE – JAVAANSCHÉ TIJD OLEH N. J. KROM

Perbincangan tentang pandangan Krom akan dilakukan berasaskan tulisan beliau yang bertajuk *De Hindoe – Javaansche Tijd*. Dalam tulisan ini, Krom berpendapat bahawa pengaruh kebudayaan Hindu sampai di Kepulauan Melayu-Indonesia seawal abad pertama Masihi. Pendapat beliau itu terbina berasaskan pengamatannya terhadap sebuah catatan Tionghoa yang bertarikh 132 selepas Masihi, yang menceritakan seorang Maharaja dari Ye-tiao bernama Tiao-Pien yang dikatakan pernah menerima cenderamata daripada seorang raja di Yawadwipa bernama Dewawarman (Krom 1950: 11). Berasaskan sumber catatan itu juga, Krom menjelaskan bahawa penggunaan nama Yawadwipa yang menurutnya merujuk kepada Pulau Jawa itu berasal daripada bahasa Sanskrit, iaitu bahasa yang dianggap suci oleh para penganut Hindu. Begitu juga dengan gelaran raja di Pulau Jawa, iaitu Dewa Warman yang dianggapnya menyamai nama raja-raja Hindu di India yang kebiasaannya turut diakhiri dengan gelaran warman (Krom 1950: 15). Apa yang penting daripada pemahaman tersebut ialah pandangan Krom bahawa kehadiran pengaruh dan kebudayaan Hindu di Kepulauan Melayu-Indonesia pada sekitar abad pertama merupakan proses yang berlaku hasil daripada kerelaan masyarakat peribumi, dan tanpa unsur paksaan.

Soal mudahnya penerimaan terhadap Hinduisme ini dianggap unik oleh Krom, kerana masyarakat peribumi di Kepulauan Melayu-Indonesia telah terlebih dahulu terdedah kepada pengaruh dan kebudayaan Tiongkok yang datang melalui hubungan perdagangan, sehinggakan telah mewujudkan komuniti kecil Tiongkok di daerah tersebut. Yang dianggap unik oleh Krom ialah kehadiran pedagang dari Tiongkok, yang menurutnya, turut membawa adat istiadat dan kebudayaan Cina, tetapi tidaklah menarik minat masyarakat peribumi di Kepulauan Melayu-Indonesia dan justeru, tidak mengubah atau memberi kesan terhadap cara serta pandangan hidup mereka. Hal ini menurut Krom, berbeza setelah masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia menerima pengaruh dan kebudayaan Hindu, yang dianggapnya meresap dengan mudah dan seterusnya mempengaruhi kebanyakan aspek kehidupan masyarakat tempatan. Penerimaan ini, menurut Krom, dengan sendirinya menyerlahkan kesignifikanan pengaruh dan kebudayaan Hindu terhadap masyarakat peribumi di Kepulauan Melayu-Indonesia.

Hujah Krom tentang kesignifikanan Hinduisme ini turut diperkukuhkan melalui pandangannya tentang cara penerimaan masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia, yang dianggapnya tidak berlaku melalui proses penaklukan kuasa, tetapi dengan kerelaan penduduk tempatan. Krom menjelaskan tidak ada sebarang bukti yang dapat menunjukkan bahawa Kepulauan Melayu-Indonesia pernah menerima kehadiran seorang raja dari mana-mana kerajaan India yang dikatakan telah menakluki kawasan-kawasan tertentu atau mendirikan kerajaan di kepulauan tersebut. Begitu juga dengan gelaran warman pada nama raja-raja yang memerintah di beberapa buah kerajaan Hindu di Kepulauan Melayu-Indonesia. Gelaran itu dianggapnya bukanlah nama keturunan yang diwarisi turun-temurun, tetapi gelaran suci bagi raja-raja yang memerintah kerajaan Hindu (Krom 1950:18). Dengan kata lain, Krom berpendapat bahawa raja-raja yang memerintah kerajaan-kerajaan Hindu di Kepulauan Melayu-Indonesia bukan berasal daripada keturunan Hindu, tetapi raja berketurunan tempatan yang mengamalkan Hinduisme dan menambahkan gelaran tersebut pada nama mereka. Ini dengan sendirinya menjelaskan tentang tiadanya unsur penaklukan, dan menyerlahkan perihal kerelaan penduduk peribumi sendiri yang tertarik kepada Hinduisme.

Seterusnya, Krom menjelaskan Hinduisme yang diterima oleh penduduk peribumi di Kepulauan Melayu-Indonesia merupakan ajaran Brahman, iaitu golongan yang menduduki tempat teratas dalam sistem kasta Hindu. Pandangan itu disokong dengan sumber-sumber inskripsi yang menjelaskan tentang upacara-upacara keagamaan, yang antaranya, melibatkan penyembahan lembu serta gelaran Raja Purnawarman yang dianggap sebagai Dewa Wishnu. Krom tidak menolak kemungkinan tentang kehadiran ajaran-ajaran yang lain daripada Brahman, terutamanya ajaran Hindu-Buddha. Ini kerana terdapatnya inskripsi dan lukisan di dinding stupa serta binaan candi Buddha, yang dianggapnya mengandungi kalimat suci dalam ajaran Hindu-Buddha yang ditulis dengan

aksara Pallawa. Pemahaman ini diperkukuhkan lagi dengan catatan I-Tsing yang menceritakan kehadiran lebih daripada seribu orang pendeta Buddha yang bertapa dan belajar di Sriwijaya, dengan amalan dan upacara keagamaannya yang menyamai ajaran Buddha di India (Krom 1950: 56). Pada tahap ini, penting untuk difahami pandangan Krom yang mengenal pasti ajaran Brahman dan Hindu-Buddha sebagai antara bentuk Hinduisme yang berpengaruh di Kepulauan Melayu-Indonesia.

Berasaskan pandangan di atas, Krom berpendapat kehadiran Hinduisme di Kepulauan Melayu-Indonesia telah membawa perubahan yang signifikan kepada kebudayaan tempatan, terutamanya di bidang kesenian. Ini terserlah pada monumen-monumen seni, termasuk candi, tugu, ukiran batu dan pintu gerbang yang mengandungi catatan serta motif yang bercirikan Hinduisme. Krom berpendapat kesenian tersebut merupakan hasil kerja tangan penduduk peribumi dan bukannya golongan Brahman yang datang dari India. Ini kerana catatan dan motif pada monumen-monumen tersebut memperlihatkan jalinan yang jelas antara dua unsur kebudayaan yang berasingan, iaitu Hinduisme dan unsur tempatan (Krom 1950: 60). Selain itu, kehadiran pengaruh serta kebudayaan Hindu di Kepulauan Melayu-Indonesia turut memajukan bahasa masyarakat tempatan, setelah sejumlah perkataan Sanskrit diserap ke dalam bahasa Melayu-Indonesia dan Jawa. Kehadiran perkataan Sanskrit dalam bahasa tempatan ini dianggap Krom sebagai suatu ‘penghormatan’ terhadap kebudayaan masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia, kerana bahasa Sanskrit dianggap suci dalam Hinduisme, selain dituturkan secara eksklusif oleh orang Brahman. Dengan kata lain, Hinduisme yang diterima masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia ini merupakan ajaran yang mewakili kasta yang tertinggi dalam kebudayaan Hindu, dan justeru dianggap membawa ‘budaya tinggi’ dalam kebudayaan masyarakat di kepulauan tersebut, sebagaimana yang dijelaskan Krom (1950: 260): “...[Hinduisme] memperkaya kebudayaan Nusantara sebagai warisan berharga dari milik kebudayaan Hindu, atau yang barangkali boleh kita katakan telah menaikannya ke dalam kebudayaan yang sebenarnya”.

Bagi tujuan perbandingan, Krom melanjutkan pengamatannya terhadap peranan dan sumbangan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia. Yang ketara dan yang akan dibincangkan ialah kesimpulan Krom tentang Hinduisme yang tidak pula sejajar dengan pengamatannya terhadap Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia. Ini jelas apabila Krom menganggap proses penyebaran Islam di kepulauan tersebut berlaku secara perlahan-lahan (1950: 257). Krom menjelaskan Islam sampai di Kepulauan Melayu-Indonesia melalui perdagangan yang dibawa pedagang India dari Gujerat, yang datang untuk tujuan berdagang dengan masyarakat tempatan. Pandangan itu jelas memperlihatkan kecenderungan untuk menghakis kewibawaan gerakan dakwah Islamiah di Kepulauan Melayu-Indonesia, lantaran Islam yang diterima oleh penduduk tempatan adalah daripada pedagang India dari Gujerat, dan bukannya daripada mubaligh Islam dari Tanah Arab, iaitu tempat asal bermulanya syiar Islam. Ini

diikuti penjelasan Krom tentang Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia, yang pada peringkat awal hanya berkembang di kawasan-kawasan yang belum menerima atau mengamalkan kebudayaan Hindu secara serius (Krom 1950: 232). Krom turut menjelaskan Islam mengambil masa yang lama untuk diterima masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia, yang pada peringkat awal hanya berupaya ‘menawan’ kelompok pendatang, seperti golongan India-Muslim dan bukannya penduduk peribumi (1950: 250). Adalah ketara pandangan Krom condong untuk memperjelaskan kelemahan Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia, meskipun Islam kemudiannya diterima masyarakat di kepulauan tersebut secara merata dan mencakupi segenap lapisan masyarakat.

Perkembangan Islam yang rancak menjelang kurun 15 Masihi dianggap Krom bukan didorong oleh faktor kekuatan gerakan dakwah Islamiah sendiri, tetapi lebih disumbangkan oleh pergolakan politik dan kelemahan kerajaan-kerajaan Hindu di Pulau Jawa ketika itu (1950: 254). Kelemahan Islamisasi ini jelas apabila penerimaan kerajaan-kerajaan Hindu di Pulau Jawa terhadap Islam masih tidak dapat melemahkan Hinduisme, yang menurutnya telah sebatian dengan penduduk tempatan. Dalam konteks ini, Krom berpendapat bahawa unsur-unsur kesenian Hindu-Jawa masih kuat diamalkan masyarakat tempatan, meskipun setelah mereka menerima ajaran Islam. Ini, menurutnya jelas apabila seni wayang yang merupakan antara warisan kebudayaan Hindu-Jawa masih menjadi kegemaran masyarakat tempatan, meskipun selepas kehadiran Islam dengan ukiran dan kandungan ceritanya yang masih dimanfaatkan daripada sumber kakawin, iaitu puisi Jawa kuno. Begitu juga dengan seni bina masjid yang didirikan kerajaan Islam selepas kejatuhan kerajaan Hindu yang masih jelas mempamerkan ciri-ciri kesenian dan kebudayaan Hindu-Jawa (Krom 1950: 257). Berasaskan pengamatan ini, Krom merumuskan kehadiran Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia masih tidak dapat menggugat kekuatan pengaruh dan kebudayaan Hindu, yang dianggapnya bertapak kukuh hingga ke hari ini, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan di bawah:

...agama Hindu tidak hilang begitu saja...ia masih dapat bertahan beberapa lamanya di Djawa Barat, lebih lama lagi di Sudut Timur dimana Pasuruan baru dijatuhkan kira-kira pada pertengahan abad keenambelas, Panarukan sampai akhir abad itu masih musyrik, Balambangan baru dalam abad ketujuh belas dapat dijatuhkan seluruhnya, sementara akhirnya Bali, yang agaknya telah mendapat arus baru lagi dari Djawa, sampai pada waktu ini masih tetap Hindu (1950: 260).

NUSANTARA: A HISTORY OF INDONESIAN
OLEH BERNARD H. M. VLEKKE

Selanjutnya, buku Vlekke yang bertajuk *Nusantara: A History of Indonesian* adalah satu lagi tulisan pengkaji Barat yang menawarkan pengamatannya terhadap perkara yang sama. Melalui tulisan ini, Vlekke mengutarakan beberapa

pandangan tentang Hinduisme dan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia yang dianggapnya memberikan kesan yang saling berbeza. Kesejajaran antara pandangan Vlekke dengan Krom jelas bila beliau menolak teori yang menganggap kehadiran Hinduisme di Kepulauan Melayu-Indonesia adalah hasil daripada proses penaklukan. Vlekke menjelaskan tidak ada sebarang bukti yang kukuh yang dapat menyokong teori tersebut, terutamanya bagi membuktikan berlakunya penaklukan kuasa raja Hindu ke atas kerajaan di kepulauan tersebut (1959: 23). Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa kemungkinan yang lebih menyakinkan ialah penyerapan Hinduisme ke dalam masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia yang berlaku secara perlahan-lahan dalam jangka masa yang lama. Beliau berpendapat pedagang India yang terlibat dengan perdagangan rempah di kepulauan tersebut bertanggungjawab membawa masuk sekumpulan ketua agama Hindu dari golongan Brahman, yang kemudian menetap untuk suatu tempoh yang panjang. Pengamatan beliau juga tidak menolak kemungkinan bahawa penduduk peribumi turut memainkan peranan yang aktif dalam proses penyerapan Hinduisme. Menurutnya, kemungkinan besar masyarakat peribumi sendiri yang mengundang ketua agama Hindu itu melalui pertolongan pedagang India. Yang jelas, pandangan beliau itu dapat menjelaskan perihal kedatangan Hinduisme ke Kepulauan Melayu-Indonesia dengan usaha penduduk peribumi sendiri, selain peranan golongan Brahman yang mengetahui upacara-upacara keagamaan.

Lanjutan itu, Vlekke turut berpendapat sambutan baik masyarakat tempatan terhadap ketua agama Hindu itu didorong oleh kekaguman mereka terhadap kebudayaan Hindu. Ini diperkuatkan dengan kedudukan ketua-ketua agama tersebut yang menurutnya adalah golongan Brahman yang dianggap suci serta memiliki pengetahuan yang bersifat magis. Keadaan ini menyebabkan kehadiran golongan Brahman di Kepulauan Melayu-Indonesia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk peribumi.³ Dalam hal ini, Vlekke berpendapat kehadiran pengaruh dan kebudayaan Hindu melalui golongan Brahman telah menyumbang kepada pembentukan tamadun masyarakat peribumi di Kepulauan Melayu-Indonesia. Kemajuan ini, menurutnya, terserlah dalam bidang kesenian, terutamanya melalui monumen, candi serta inskripsi yang bercirikan Hinduisme yang terpahat dalam bahasa Sanskrit. Dengan kata lain, Vlekke menganggap dan menjelaskan penerimaan masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia terhadap kebudayaan Hindu mencetuskan kemajuan yang signifikan sebagaimana katanya “The Indonesian ‘states’ existed before they adopted the foreign civilization, but it was this foreign influences that made the ‘vocal’ and thus permit modern archeology to know of their existence” (1959: 25). Pandangan itu jelas memperlihatkan kesejajarannya dengan pengamatan Krom yang turut memperakui kesignifikanan peranan yang dimainkan kebudayaan Hindu dalam memajukan bidang kesenian di Kepulauan Melayu-Indonesia.

Perakuan Vlekke terhadap sumbangan Hinduisme ini turut disusuli beberapa pengamatannya tentang Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia. Dalam

konteks ini, beliau mengutarakan pandangannya yang menganggap bahawa kedatangan Islam di kepulauan tersebut adalah hasil daripada kegiatan perdagangan rempah yang berlangsung antara pedagang tempatan dengan pedagang India. Pandangan ini diperkukuhkan melalui penemuan batu-batu nisan yang tertera dengan nama-nama sultan yang memerintah kerajaan Islam tempatan, yang tertulis dalam huruf Jawi serta pahatan ayat-ayat suci Al-Quran pada batu-batu yang dikenal pasti berasal dari Gujerat. Ini mendorong kesimpulan beliau yang menganggap bahawa kemungkinan besar Islam yang sampai di Kepulauan Melayu-Indonesia telah dibawa pedagang India, khususnya dari Gujerat, yang pada masa yang sama mengimport batu-batu tersebut dari tempat asal mereka, setelah mendapat ilham daripada pahatan batu-batu yang terdapat di kuil-kuil Hindu di India. Pandangan beliau, ini dengan jelas menggambarkan kuatnya peninggalan pengaruh Hindu dalam kesenian masyarakat Melayu-Indonesia selepas penerimaan mereka terhadap Islam. Penemuan batu nisan yang tertulis dengan nama Malik Ibrahim, seorang saudagar yang terlibat dalam kegiatan perdagangan rempah, turut dijadikan bukti oleh Vlekke bagi memperkukuhkan pandangannya tentang kedatangan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia dengan dibawa pedagang India dari Gujerat (1959: 83). Pandangan ini jelas menyamai pandangan Krom yang juga menganggap Islam yang sampai ke daerah Melayu ini telah dibawa pedagang India yang datang untuk berdagang.

Penting untuk difahami bahawa kesejajaran pandangan antara Vlekke dan Krom ini rata-rata memberikan kesan terhadap pemahaman tentang kedudukan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia. Perakuan mereka tentang pentingnya faktor perdagangan dan peranan pedagang India dan Gujerat dengan sendirinya melemahkan kewibawaan ajaran Islam yang diterima masyarakat Melayu-Indonesia. Ini, antaranya, jelas pada kenyataan Vlekke yang menyebut pedagang Gujerat, khususnya, tidak berhasrat untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat tempatan; sebaliknya lebih berminat untuk merebut peluang perdagangan rempah yang pesat berlangsung di Kepulauan Melayu-Indonesia pada ketika itu (1959: 83). Pandangan ini menandakan seolah-olah Islam yang sampai di Kepulauan Melayu-Indonesia adalah secara kebetulan, lantaran kepentingan ekonomi yang menjadi matlamat utama kedatangan pedagang India dan Gujerat ke kepulauan tersebut. Kecenderungan untuk menghakis kewibawaan Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia juga jelas apabila Vlekke berpendapat bahawa proses penyebaran Islam di kepulauan ini tidak dilakukan secara terancang dan sistematis. Ini, menurut Vlekke, ketara apabila tidak terdapatnya organisasi atau badan yang secara khusus mengendalikan hal-hal yang berkaitan kegiatan dakwah Islamiah di Kepulauan Melayu-Indonesia. Menurut beliau lagi, kehadiran pedagang Gujerat ke daerah ini juga tidak diikuti usaha membina masjid-masjid atau pusat-pusat keagamaan (Vlekke menggunakan istilah *church*) yang dapat memungkinkan ianya beroperasi sebagai pusat penyebaran dakwah Islamiah di rantau tersebut. Pengamatan ini

mendorong Vlekke menyimpulkan bahawa penyebaran Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia tidak berlaku secara dinamik dan menyeluruh, tetapi hanya melibatkan segelintir golongan yang mempunyai kedudukan tertentu dalam masyarakat tempatan. Ini, menurut Vlekke, jelas apabila Islam hanya yang berkembang di beberapa daerah yang menjadi pusat perdagangan rempah, seperti Ceribon, Demak, Japara, Gersik dan Surabaya.

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa pandangan Vlekke seperti yang dibincangkan di atas menyerlahkan kelemahan Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia. Ini diperteguhkan lagi dengan pandangannya yang menjelaskan bahawa terdapat sebuah kerajaan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia pada abad ke-17 Masihi dengan dikenali sebagai Kerajaan Tuban, yang rajanya bersetuju untuk memeluk Islam, tetapi masih mengamalkan kebudayaan dan adat istiadat Hindu. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa terdapat seorang putera di kalangan kerabat di raja Tuban yang memeluk Islam, tetapi masih menjalin dan mengekalkan hubungan akrabnya dengan beberapa kerajaan Hindu yang lain. Dalam hal ini, Vlekke menganggap bahawa putera di raja Tuban itu tidak berhasrat untuk menyebarkan Islam, tetapi lebih berminat untuk mengukuhkan kedudukan politiknya. Ini dijelaskannya: "...he seemed much more interested in preserving the traditional social and political structure of his country, than in propagating Islam" (Vlekke 1959: 85). Yang penting ialah pandangan Vlekke ini kemudiannya memperkukuhkan lagi kesimpulan beliau bahawa penyebaran Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia tidak melalui gerakan dakwah secara sistematis, tetapi lebih merupakan kesan yang timbul daripada faktor lain, seperti monopoli perdagangan rempah dan strategi politik. Turut menyerlahkan kelemahan Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia ialah pandangan Vlekke yang menganggap bahawa kepesatan penyebaran Islam turut disumbangkan oleh faktor kemerosotan kerajaan Hindu-Jawa, terutamanya selepas kemangkatan Raja Ayam Wuruk. Keadaan ini, menurut beliau, mendorong kebanyakan pemerintah Hindu-Jawa untuk menerima Islam, bukan disebabkan kerelaan atau tertariknya kepada ajaran Islam, tetapi bertujuan untuk melindungi kepentingan politik dan memelihara kedaulatan kerajaan-kerajaan mereka (Vlekke 1959: 86). Jelas daripada pandangan Vlekke di atas bahawa Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia mempunyai banyak kelemahan dan dengan itu, menyukarkan kemungkinan untuk Islam menyaingi Hinduisme. Pemahaman ini sekaligus menyerlahkan kecenderungan Vlekke untuk menghakis kesignifikanan Islam dan kewibawaan Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia, terutamanya apabila beliau menyimpulkan bahawa kedatangan Islam di kepulauan tersebut tidak mampu mengugat Hinduisme yang telah bertapak dengan kukuh di Pulau Jawa. Katanya: "...Islam definitely did not cause a clear break with the past in Java" (Vlekke 1959: 87). Kesimpulan beliau ini, antaranya, disokong dengan penemuan batu-batu nisan di sebuah tanah perkuburan Islam di Pulau Jawa, yang menurutnya meskipun ditulis dalam bahasa dan tulisan Arab, tetapi masih mengekalkan motif 'Shivaitic' yang

merupakan sebahagian daripada ciri kebudayaan Hindu. Selain itu, Vlekke bersependapat dengan Krom yang menganggap seni wayang dan cerita epik Hindu, seperti *Mahabharata* dan *Ramayana*, masih berpengaruh di kalangan aristokratik Jawa dan masyarakat kebanyakan, meskipun setelah mereka menerima Islam. Himpunan pandangan Vlekke ini dengan jelas melakarkan kecenderungan beliau untuk menggambarkan bahawa kehadiran Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia tidak dapat menggugat pengaruh kebudayaan Hindu. Ini terserlah dalam kenyataan beliau tentang kebudayaan Jawa: “The culture of the Javanese princely courts remained essentially Hinduistic-Javanese up to very recent times”(Vlekke 1959: 87).

INDONESIA: TRADE AND SOCIETY OLEH J. C. VAN LEUR

Sebuah lagi tulisan daripada pengkaji Barat yang relevan untuk perbincangan ini ialah *Indonesia: Trade and Society* oleh Van Leur. Selain mengutarakan pandangannya tentang peranan serta sumbangan Hinduisme dan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia, Van Leur turut menyentuh beberapa pandangan pengkaji lain tentang peranan kegiatan perdagangan yang dikatakan menjadi agen utama meresapnya kebudayaan Hindu di kepulauan Melayu-Indonesia. Beliau memperlihatkan ceteknya pemahaman pengkaji berkenaan korpus sejarah perdagangan di Kepulauan Melayu-Indonesia, khususnya perdagangan yang melibatkan pedagang India. Pada pemahaman Van Leur, pedagang India yang datang untuk berdagang di kepulauan ini sebahagian besarnya terdiri daripada golongan ‘kelas bawahan’ yang mengamalkan kebudayaan yang berbeza daripada golongan atasan Hindu. Hal ini, menurutnya, jelas apabila kebudayaan yang diterima masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia lebih menyerlahkan bentuk serta ciri kebudayaan yang menyamai golongan Brahman, iaitu golongan “kelas atasan” Hindu. Menurut beliau, adalah mustahil bagi pedagang India yang datang daripada “kelas bawahan” untuk terlibat dan mengendalikan upacara keagamaan di keraton, memandangkan bentuk serta ciri upacara yang dilakukan itu bukan diamalkan penganut Hindu ‘kelas bawahan’. Catatan yang menunjukkan institusi keraton pada zaman Kerajaan Sriwijaya dan Bantam tidak menjalinkan hubungan yang akrab dengan pedagang dari India itu dianggap Van Leur telah memperkukuhkan penolakannya terhadap kesignifikan peranan kegiatan perdagangan dalam memperkenalkan Hinduisme di Kepulauan Melayu-Indonesia. Keterpencilan pedagang India dari keraton semasa pemerintahan kedua-dua kerajaan Hindu di Kepulauan Melayu-Indonesia, menurut beliau, jelas apabila golongan tersebut kemudiannya hidup terpinggir dengan komuniti mereka sendiri yang dikenali sebagai ‘perkampungan keling’. Berasaskan pengamatan ini, Van Leur mengeneipkan pandangan beberapa pengkaji sebelumnya yang mengajukan pentingnya peranan pedagang India dalam penyebaran kebudayaan Hindu di Kepulauan Melayu-Indonesia (1955:

99). Yang ketara daripada sanggahan Van Leur terhadap pandangan di atas ialah kecenderungan untuk menonjolkan kewibawaan kebudayaan Hindu yang datang ke Kepulauan Melayu-Indonesia, seperti yang terserlah dalam tulisan Krom dan Vlekke. Dengan kata lain, penolakan Van Leur terhadap peranan pedagang India yang terdiri daripada golongan 'kelas bawahan' itu, dengan sendirinya menjelaskan bahawa Hinduisme yang datang ke Kepulauan Melayu-Indonesia merupakan 'budaya tinggi' yang membawa peradaban yang maju.

Berbeza dengan pandangannya terhadap Hinduisme, pengamatan Van Leur terhadap peranan dan sumbangan Islam mencerminkan hal yang sebaliknya. Ini ketara pada pandangan Van Leur yang berpendapat bahawa kegiatan perdagangan yang dimonopoli pedagang Islam di Kepulauan Melayu Indonesia menjelang abad ke-16 dan 17 Masihi, tidak membawa perubahan yang besar kerana kemajuan tersebut telah sedia dicapai pada zaman sebelumnya, iaitu Hindu (1955: 112). Beliau turut menjelaskan bahawa monopoli pedagang Islam serta kemunculan beberapa kerajaan Islam di kepulauan tersebut tidak disumbangkan faktor ajaran Islam, tetapi dipengaruhi situasi politik ketika itu. Menurut beliau, kemerosotan pengaruh dan kebudayaan Hindu, terutamanya selepas penguasaan Dinasti Islam Mogul di India pada tahun 1526, serta kejatuhan Kerajaan Hindu Vijayanagar pada tahun 1556, telah memberi kesempatan kepada Islam untuk berkembang dengan lebih pesat di Kepulauan Melayu-Indonesia. Perkembangan di India ini, menurut beliau, turut menyumbang terhadap kemerosotan kerajaan Hindu di Kepulauan Melayu-Indonesia yang semakin terhimpit dengan kemunculan kerajaan Islam yang semakin berpengaruh. Situasi ini memudahkan untuk kerajaan Islam memonopoli laluan perdagangan di Selat Melaka dan menawarkan bantuan serta perlindungan politik dan ekonomi kepada kerajaan lain di sekitarnya. Dengan kata lain, Islam pada ketika itu menawarkan perlindungan politik dan ekonomi kepada kerajaan kecil di Pulau Jawa, termasuk kerajaan Hindu yang semakin lemah dan tertekan. Hal ini jelas apabila terdapat beberapa pemimpin daripada keturunan bangsawan di Timur-Laut Jawa yang memeluk Islam dan kemudian mendapat pertolongan daripada kerajaan Islam yang lain bagi menjayakan misi penaklukannya terhadap Kerajaan Majapahit, yang pada ketika itu masih berpegang kepada ajaran Hindu (Van Leur 1955: 112). Selain itu, beliau tidak menolak pentingnya peranan mubaligh Kristian-Portugis di Kepulauan Melayu-Indonesia dalam menyebarkan agama Kristian setelah menawan Kesultanan Melayu di Melaka. Persaingan daripada gerakan mubaligh Kristian-Portugis ini dianggap Van Leur sebagai faktor yang membantu mempercepatkan Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia. Katanya: "The expansion of Islam later gained strength through the eruption of the struggle with the Portuguese in Asia, after which the Moslems consciously counteracted every Christian influence" (Van Leur 1955: 169). Ketara daripada pandangan Van Leur ini ialah kebergantungan Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia ke atas faktor seperti monopoli perdagangan rempah, kekuatan politik serta

kepesatan gerakan Kristian. Ini jelas menggambarkan kecenderungan Van Leur yang menganggap penerimaan masyarakat Melayu-Indonesia terhadap Islam bukanlah disebabkan kekuatan ajaran Islam, tetapi dipengaruhi faktor-faktor luaran yang menyumbang kepada kepesatan Islamisasi di kepulauan tersebut.

Berdasarkan pandangan di atas Van Leur merumuskan kehadiran Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia tidak membawa 'budaya tinggi' kepada masyarakat tempatan, kerana kemajuan yang tinggi telah dicapai ketika mereka mengamalkan Hinduisme. Pandangan itu jelas sejajar dengan pengamatan Krom yang menganggap Hinduisme telah membawa kemajuan kepada masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia, terutamanya di bidang kesenian, yang terserlah pada candi, tugu dan monumen peninggalan zaman Hindu. Pandangan itu diperkuatkan lagi dengan pengamatan Van Leur yang menjelaskan kedatangan Islam ke kepulauan tersebut bukan dibawa pendakwah Islam, tetapi pedagang Parsi yang lebih berminat untuk merebut peluang dan keuntungan ekonomi. Kecenderungan untuk menyerlahkan kelemahan Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia juga jelas apabila Van Leur membandingkannya dengan Hinduisme, yang menurutnya, dibawa golongan Brahman yang merupakan golongan "kelas atasan" dan dianggap suci dalam sistem kasta Hindu, selain tidak bermotifkan kepentingan lain kecuali menyebarkan ajaran Hindu. Pandangan ini memperlihatkan kesejajaran dengan pengamatan Vlekke tentang kepesatan penyebaran Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia yang bergantung pada faktor perdagangan dan perlindungan politik. Berasaskan pengamatan ini, Van Leur dengan mudah merumuskan kedatangan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia tidak membawa 'budaya tinggi' kepada masyarakat serta kepesatan Islamisasi di kepulauan tersebut adalah dipengaruhi faktor-faktor luaran dan bukannya kerana kekuatan ajaran Islam. Ini jelas dalam kesimpulannya: "The acceptance of Islam...had nothing to do with the transmission of a "higher civilization". Javanese political motives and tactical considerations of the aristocracy brought about Islamization" (Van Leur 1955: 114).

IKHTISAR

Perbincangan terhadap tulisan Krom, Vlekke dan Van Leur ini melakarkan beberapa pemahaman tentang pengaruh kebudayaan Hindu dan kedudukan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia. Ketiga-tiga tulisan ini menafikan proses penaklukan wilayah sebagai faktor yang memperkenalkan masyarakat Melayu-Indonesia terhadap kebudayaan Hindu. Ini sekaligus bererti bahawa kehadiran dan penerimaan terhadap Hinduisme di kepulauan tersebut tidak secara paksaan, tetapi didorong kerelaan serta minat masyarakat tempatan. Tulisan pengkaji-pengkaji Barat tersebut menolak pentingnya peranan yang dimainkan pedagang India dalam membawa kebudayaan Hindu kepada masyarakat tempatan. Sehubungan itu, peranan pedagang India yang datang untuk berdagang dianggap

hanya terbatas pada tugas untuk memperkenalkan masyarakat tempatan kepada golongan Brahman bagi mengetahui upacara keagamaan di keraton atas permintaan masyarakat tempatan sendiri. Perkara lain yang turut dikesan ialah keseragaman pandangan pengkaji Barat yang teliti tentang dominasi bentuk dan ciri kebudayaan Hindu di Kepulauan Melayu-Indonesia yang dikatakan berasal daripada golongan Brahman. Adalah penting untuk difahami bahawa penolakan terhadap kepentingan peranan golongan pedagang India di satu pihak, dan perakuan terhadap penglibatan golongan Brahman dalam proses penyebaran Hinduisme di pihak yang lain, mengangkat kewibawaan kebudayaan tersebut di Kepulauan Melayu-Indonesia. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa kedudukan golongan Brahman yang dianggap suci dan menduduki tempat tertinggi dalam sistem kasta Hindu banyak mempengaruhi kesimpulan ketiga-tiga pengkaji Barat tersebut, yang rata-rata memperakui kesignifikanan peranan serta sumbangan Hinduisme yang dianggap membawa “budaya tinggi” kepada masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia. Yang ketara ialah penerimaan “budaya tinggi” yang dimaksudkan ketiga-tiga pengkaji Barat ini rata-rata merujuk kepada kemajuan di bidang kesenian, seperti pada binaan candi, tugu dan monumen yang bercirikan Hinduisme.

Seterusnya, pengamatan pengkaji Barat tersebut turut menjelaskan pemahaman mereka berkenaan kedudukan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia. Tidak seperti kehadiran Hinduisme yang didominasi golongan Brahman, pedagang dikenal pasti adalah kumpulan orang yang bertanggung-jawab dalam memperkenalkan Islam kepada masyarakat tempatan. Meskipun kepesatan perdagangan rempah di Kepulauan Melayu-Indonesia turut melibatkan pedagang dari Tanah Arab, namun ketiga-tiga pengkaji Barat tersebut bersepakat untuk menamakan pedagang dari India sebagai golongan yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan Islamisasi. Tidak keterlaluan jika dikatakan kesepakatan pandangan ketiga-tiga mereka tentang hal tersebut jelas memperlihatkan kecenderungan mereka untuk menggambarkan Islam yang bersifat sekunder, yang sampai dan diterima masyarakat Melayu-Indonesia. Sifat sekunder tersebut jelas apabila ajaran Islam yang menggerakkan Islamisasi di kepulauan tersebut tidak datang secara langsung daripada golongan pendakwah Islam dari Tanah Arab. Kecenderungan ini ketara apabila mereka menjelaskan tentang kelemahan Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia. Antaranya ialah Islamisasi hanya mampu menguasai kawasan-kawasan terpencil, selain mengambil masa yang panjang untuk mengislamkan sebahagian besar masyarakat di kepulauan tersebut. Kebergantungan peranan pedagang India serta ketiadaan organisasi khusus bagi mengendalikan gerakan dakwah Islamiah yang dibangkitkan pengkaji Barat tersebut juga dengan jelas memperlihatkan kecenderungan untuk menyerlahkan kelemahan Islamisasi di kepulauan ini yang dilihat tidak berjalan secara sistematis. Kecenderungan tersebut juga ketara apabila pentingnya peranan faktor-faktor luaran, seperti kepentingan ekonomi, perlindungan politik dan persaingan dengan gerakan Kristian ditonjolkan sebagai

agen yang mempercepatkan lagi Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia. Dengan kata lain, penerimaan masyarakat tempatan terhadap Islam dan kepesatan penyebarannya di kepulauan tersebut bukan disebabkan kekuatan ajaran Islam, tetapi didorong faktor-faktor luaran yang telah disebutkan. Selain itu, Islam juga dianggap tidak memainkan peranan yang signifikan terhadap kemajuan masyarakat Melayu-Indonesia, terutamanya apabila pengaruh dan unsur kebudayaan Hindu dilihat masih kekal dalam kesenian tempatan, meskipun selepas penerimaan mereka terhadap Islam. Dengan kata lain, Islam pada kaca mata pengkaji-pengkaji Barat, seperti Krom, Vlekke dan Van Leur, tidak berupaya menandingi kehebatan peranan dan sumbangan Hinduisme di Alam Melayu. Kesimpulan ini sekaligus mengesahkan pandangan Al-Attas yang menjelaskan tentang kecenderungan pengkaji Barat yang tidak memperakukan kesignifikanan peranan dan sumbangan Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu.

Perlu dijelaskan bahawa pandangan pengkaji Barat seperti yang dibincangkan di atas juga telah ditangani Al-Attas dalam syarahan pengukuhan beliau yang bertajuk *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972). Dalam syarahan tersebut, Al-Attas mengutarakan kesignifikanan peranan yang dimainkan Islam dalam memperkenalkan masyarakat Melayu dengan ajaran 'Tauhid', yang hanya memperakukan keesaan Allah S.W.T. dan sekaligus menolak penyembahan terhadap dewa-dewa dan alam ghaib. Pengenalan terhadap ajaran 'Tauhid' dianggap Al-Attas sebagai sumbangan Islam yang bermakna kerana melalui ajaran tersebut, masyarakat Melayu mulai sedar akan keupayaan akal manusia yang tinggi, sesuai dengan kedudukan mereka sebagai 'Khalifah Allah S.W.T. di Bumi'. Dengan kata lain, penekanan Islam terhadap keupayaan akal manusia di satu pihak dan penolakannya terhadap kepercayaan tahyul dan khurafat di satu pihak yang lain, dianggap Al-Attas telah menyuburkan bibit-bibit intelektualisme dan rasionalisme bangsa Melayu. Pemahaman masyarakat Melayu terhadap tauhid turut diiringi konsep 'Taqwa' yang mengejapkan kedudukan dan darjat manusia yang sama di sisi Allah S.W.T., yang hanya dapat dibezakan melalui ketaqwaan mereka, iaitu kepatuhan dalam melaksanakan kemakrufan dan meninggalkan kemungkaran di sisi Islam. Pengenalan konsep 'Tauhid' dan 'Taqwa' ini sekaligus menolak pemujaan sesama manusia, khususnya terhadap golongan raja dan perbezaan darjat manusia mengikut sistem kasta, yang kuat dipertahankan dalam kebudayaan Hindu. Menurut Al-Attas lagi, pengenalan terhadap kedua-dua konsep penting inilah yang memungkinkan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia diterima secara menyeluruh dan merangkumi segenap lapisan masyarakat, daripada golongan raja kepada orang kebanyakan dan hamba. Berasaskan pemahaman ini, Al-Attas menyanggah pandangan kebanyakan pengkaji Barat yang cenderung memperkecil-kecilkan peranan serta sumbangan Islam di Alam Melayu. Beliau dengan tegas telah menolak pandangan kebanyakan pengkaji Barat yang menganggap Islam yang sampai ke Alam Melayu adalah dari India

dari pada penemuan batu-batu nisan di tempat-tempat tersebut. Bukti-bukti yang dikemukakan ini dianggap Al-Attas hanya bersifat ‘luaran’, sedangkan terdapat bukti-bukti lain yang bersifat ‘dalaman’ yang dapat memberi gambaran yang lebih tepat. Bukti-bukti ‘dalaman’ yang dimaksudkan Al-Attas ialah isi ajaran Islam, yang terkandung dalam kitab karangan ulama dan pengarang Melayu pada zaman Islam. Menurut Al-Attas, penelitian terhadap isi kandungan, cara penghuraian, aliran ilmu Tasawuf, bentuk huruf serta tulisan (Jawi), penggunaan nama-nama hari, kaedah hafalan *Al-Quran* serta beberapa amalan yang diamalkan masyarakat Melayu sehingga kini memperlihatkan kesejajarannya dengan ajaran Islam yang datang dari Tanah Arab, dan bukannya India. Berdasarkan pemahaman ini, Al-Attas mengajukan pandangan yang menganggap kehadiran Islam di Alam Melayu dibawa mubaligh Arab melalui gerakan dakwah Islamiah, sama ada yang datang terus dari Tanah Arab atau melalui India, Parsi, China, Maghribi dan Turki (Al-Attas 1972: 33-34). Seajar dengan itu, beliau turut menyanggah pandangan kebanyakan pengkaji Barat yang menganggap Islamisasi di Alam Melayu tidak melalui proses penyebarannya yang sistematis berasaskan pengamatan bahawa tidak terdapatnya organisasi dakwah yang khusus mengendalikannya. Pandangan ini dianggap beliau menyerlahkan kecacatan pemahaman tentang Islam, yang menuntut supaya tugas dakwah Islamiah dipikul secara kolektif oleh setiap umat Islam secara bijak dan berhikmah mengikut kemampuan dan situasi masing-masing. Tuntutan ini, menurut beliau berbeza dengan gerakan Kristian (*Christian missionary*) yang pelaksanaannya lebih berpusat di gereja serta digerakkan paderi yang bersifat eksklusif. Hakikat bahawa konsep ‘institusi kegerejaan’ dan “kepaderian” yang hanya relevan dalam konteks Kristian-Katolik ini diguna pakai pengkaji Barat dalam usaha untuk memahami gerakan dakwah Islamiah jelas memperlihatkan bahawa pengamatan mereka tidak mengikut kerangka dan konteks penilaian yang tepat. Berbeza dengan konsep *Christian missionary*, gerakan dakwah Islamiah yang berlangsung di Alam Melayu, menurut Al-Attas, tidak sahaja dipikul golongan mubaligh, tetapi juga umat Islam lain yang menerapkan cara serta pendekatan dakwah yang berbeza-beza, termasuklah dengan menggunakan warisan kesenian Hindu yang telah mengalami pengubahsuaian tertentu supaya ia tidak lagi mengandungi falsafah Hindu yang bercanggah dengan Islam. Yang menarik untuk dijelaskan ialah perbezaan cara dan pendekatan dakwah Islamiah ini tidak sedikitpun menjejaskan atau mencemarkan kemurnian ajaran Tauhid yang menjadi paksi ajaran Islam (Al-Attas 1969: 26). Berdasarkan penjelasan Al-Attas ini, adalah jelas bahawa Islamisasi di Alam Melayu telah dilaksanakan secara bijaksana dan komprehensif. Ini terbukti apabila Islam diterima secara merata oleh masyarakat di Kepulauan Melayu-Indonesia serta dapat bertahan hingga ke hari ini, meskipun selepas kehadiran penjajah Barat. Yang signifikan ialah hujah-hujah Al-Attas seperti yang dibincangkan secara ringkas ini berguna bagi menjelaskan bahawa kecenderungan pandangan para pengkaji Barat seperti Krom, Vlekke

dan Van Leur untuk memperkecil-kecilkan peranan dan sumbangan Islam di Alam Melayu telah menerima sangkalan yang bererti. Yang turut signifikannya ialah sangkalan tersebut datang daripada sarjana tempatan yang lebih dekat dengan sejarah dan kebudayaan bangsanya sendiri.

RUJUKAN

- Al-Attas, S. M. N. 1969. *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1972. *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 1979. *Islam And Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre Dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krom, N. J. 1950. *Zaman Hindu*. Terj. Arif Effendi daripada judul asalnya *De Hindoe-Javaansche Tijd*. Jakarta: P.T. Pembangunan.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2001. Islam dan Hindu: Satu Penelitian Terhadap Sanggahan Syed Muhammad Naquib Al-Attas Kepada Pandangan Sarjana Barat. *Jurnal Pengajian Melayu* 11: 207-266.
- _____. 2003. Islam sebagai “Al-Din”: Beberapa Pengamatan Terhadap Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *AFKAR* 4: 29-62.
- Van Leur, J. C. 1955. *Indonesian Trade and Society*. The Hague: W. Van Hoeve.
- Vlekke, B. H. M. 1959. *Nusantara: A History of Indonesia*. The Hague: W. Van Hoeve.

Mohd. Zariat Abdul Rani, Ph.D
 Jabatan Bahasa Melayu
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
 Universiti Putra Malaysia
 43400 Serdang
 Selangor Darul Ehsan
 e-mail: mozariat@yahoo.com